

SIARAN AKHBAR

PENCAPAIAN PMKS TERBAIK TEMPATAN DIIKTIRAF DALAM PROGRAM ANUGERAH ENTERPRISE 50

KUALA LUMPUR, 26 Oktober 2024 – Pencapaian 50 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terbaik di Malaysia bakal diiktiraf dan diumumkan sebagai pemenang Anugerah Enterprise 50 (E50) bagi tahun 2024 pada malam ini.

Program E50 pada tahun ini dengan tema 'Meraikan Semangat Keusahawanan Malaysia' dianjurkan bersama oleh SME Corp. Malaysia dan Deloitte Malaysia, dengan sokongan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Memasuki tahun ke-24 penganjurannya, Anugerah ini berjaya menonjolkan PMKS yang berdaya saing dan berdaya tahan serta mampu menghadapi cabaran global dengan semangat keusahawanan yang jitu selain meningkatkan penjenamaan syarikat.

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengurus SME Corp. Malaysia dalam ucapan aluannya semasa sesi Sidang Media Anugerah E50 berkata, "Daripada 50 PMKS yang akan diumumkan sebagai pemenang, 10 penerima teratas akan disenaraikan semasa Sidang Media namun kedudukan sebenar hanya akan diumumkan pada malam ini. Selain itu, tiga penerima anugerah khas akan diumumkan iaitu Anugerah Usahawan Wanita Terbaik E50, Anugerah Usahawan Eksport Terbaik E50, dan Anugerah Amalan ESG Terbaik E50". Ini merupakan kali pertama SME Corp. Malaysia memperkenalkan Anugerah Amalan ESG Terbaik E50 bagi memperakui syarikat PMKS yang menjadikan ESG sebagai agenda utama dalam perniagaan.

Sementara itu, Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pula menyatakan, "Sebanyak 122 pencalonan telah diterima iaitu jumlah pencalonan tertinggi yang pernah dicatatkan. Namun demikian, hanya 105 syarikat dapat mengemukakan dokumen lengkap dan layak untuk diberi penilaian lanjut berdasarkan aspek kewangan dan bukan kewangan. Majoriti penerima anugerah berada dalam sektor perkhidmatan, beroperasi di Lembah Klang, dan menerima 4 Bintang di bawah Program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE). Pada tahun ini, sebanyak 16 atau 32 peratus syarikat penerima Anugerah E50 terdiri daripada syarikat milikan wanita".

Selain menerima trofi dan sijil, pemenang Anugerah E50 pada tahun ini juga akan menerima pelbagai manfaat seperti penjenamaan dan promosi menerusi liputan media oleh Media Prima Omnia, perkhidmatan penilaian kredit dan karbon oleh RAM Rating Services Berhad, pakej pengiklanan digital oleh KLIA TV dan Malaysia SME serta pakej Unifi Mobile 5G postpaid Biz39. Pemenang juga bakal menikmati *green lane* bagi kemudahan pembiayaan sehingga RM500,000 menerusi *Digital Financing Initiative* (DFI) di bawah SME Corp. Malaysia melalui microLEAP.

Penerima 10 teratas Anugerah E50 tahun ini (mengikut susunan abjad) ialah Advantage Marine Services (Malaysia) Sdn. Bhd., Avialite Sdn. Bhd., Global Psytech Sdn. Bhd., H&T Consulting Engineers Sdn. Bhd., Ligno Biotech Sdn. Bhd., Maxvue Vision Sdn. Bhd., Nasi Lemak Saleha Sdn. Bhd., OSD Consultants (M) Sdn. Bhd., Techzilla Global Solution Sdn. Bhd. dan Ventura IOT Sdn. Bhd.

Penganjuran Anugerah E50 merupakan hasil kerjasama awam-swasta di antara SME Corp. Malaysia dengan rakan strategik iaitu YTL Corporation Berhad, RHB Bank Berhad, KLIATV Media, RAM Rating Services Berhad, Media Prima Omnia, ASTRO Malaysia Holdings Berhad, Unifi Business, Malaysia SME, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

Hadir sama semasa sidang media Anugerah E50 2024 adalah YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia, Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Encik Yee Wing Peng, Ketua Pegawai Eksekutif Deloitte Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my